

## POINTERS UCAPAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT

PROGRAM TURUN PADANG KPWKM (EDISI NEGERI KELANTAN)  
*#ttemumatoKPWKM*

3 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)  
9.00 PAGI – 1.00 PETANG

DEWAN MAJLIS DAERAH KUALA KRAI, KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

**SALUTASI** *(akan diberikan semasa majlis)*

### **PENDAHULUAN**

1. Kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, diberi ruang dan peluang untuk bersama dalam **Program Turun Padang (PTP) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Edisi Negeri Kelantan di Kuala Krai** pada pagi ini.
2. Terima kasih kepada **pegawai-pegawai**:
  - KPWKM;
  - Jabatan-Jabatan di Negeri Kelantan;
  - Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KekWA).

3. Pelaksanaan PTP di **14 buah Parlimen - 5 buah lokasi - 6 sesi**:
  - Tanah Merah, 22 Ogos 2020;
  - Gua Musang, 23 Ogos 2020;
  - Kuala Krai, 3 September 2020;
  - Kota Bharu, 5 September 2020 (Majlis perasmian bersama YB Menteri KPWKM dan YAB Menteri Besar Kelantan); dan
  - Pasir Mas, 6 September 2020.
  
4. Terima kasih kepada **Majlis Daerah Kuala Krai** untuk kemudahan dan logistik.
  
5. Penghargaan juga kepada **rakan strategik PTP**:
  - a. Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan
  - b. Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat, SUK Kelantan
  - c. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
  - d. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA); dan
  - e. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
  
6. Terima kasih kepada penyedia **Booth pameran**:
  - a. KPWKM;
  - b. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan;
  - c. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan (PPWN Kelantan);
  - d. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kelantan;
  - e. Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
  - f. Institut Sosial Malaysia (ISM);

- g. UkeKWa;
  - h. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Negeri Kelantan;
  - i. TEKUN Nasional Negeri Kelantan; dan
  - j. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)
7. Pegawai-pegawai di *booth* pameran bersedia untuk **memberikan penerangan mengenai inisiatif-inisiatif** dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.
8. PTP sebagai suatu **platform yang efektif**:
- Penyertaan pimpinan masyarakat seperti penggawa, ketua kampung, pimpinan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
  - penjelasan berhubung perkhidmatan dan inisiatif baharu KPWKM.
  - disampaikan kepada rakyat di peringkat akar umbi di Negeri Kelantan.
9. PKP 18 Mac 2020, ramai yang terkesan ekoran COVID-19 dari segi pekerjaan, mata pencarian, kesihatan, emosi dan sosial.
10. Tekanan emosi akibat berjauhan daripada anak-anak dan cucu-cucu. KPWKM cuba sedaya upaya supaya kumpulan sasar mendapat **sokongan dan bantuan yang sewajarnya**.
11. Kesan PKP terhadap kumpulan sasar: LPPKN telah melaksanakan **Kajian Tinjauan Kesejahteraan Diri Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dalam Kalangan Keluarga Komuniti FACE Di**

**Malaysia.** Kajian melihat keadaan kewangan, tahap tekanan perasaan, konflik kekeluargaan, sokongan sosial dan kesejahteraan diri.

12. Kajian mendapati:

- 45% melaporkan mempunyai **hubungan kekeluargaan yang rendah**
- 50% tinggi sokongan sosial
- 36.2% tinggi **konflik** keluarga
- 43.9% tinggi tekanan kewangan
- 50% tinggi **stres**

13. KPWKM akan **memperkasa program pemerikasaan komuniti FACE** dengan melihat kepada perbezaan sosio ekonomi, penempatan dan keperluan.

14. **INISIATIF SEMASA/SELEPAS PKP:**

- Pakej-pakej khas **Bakul Makanan** dan wang tunai kepada golongan rentan di bawah Tabung Bencana COVID-19 dan Kementerian Kewangan Malaysia (RM47,429,105.44).

- Penugasan **4,293 orang barisan hadapan (*frontliners*) JKM** (dibantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, JKR, PERHILITAN, RELA, APM).
- Sehingga 19 Jun 2020, **2,820** NGO, syarikat korporat dan individu telah menyumbang **RM20,703,840 (401,825 penerima)** berbentuk makanan kering, makanan dimasak dan makanan basah.
- **Tabung Prihatin YKN-JKM COVID-19** bagi menggalakkan syarikat korporat dan orang perseorangan untuk menyumbang.
- **Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 0192615999** untuk menerima aduan isu-isu wanita, kanak-kanak, OKU, keluarga dan masyarakat.
- Talian Khas Kaunseling Covid-19 bagi memberi **perkhidmatan kaunseling dan psikologi** - 18 Mac 2020 hingga 20 Ogos 2020 (**2,482 panggilan**)- seramai **528 orang kaunselor** seluruh negara.

## **15. PENJANA:**

- Wabak COVID-19 memberi **kesan negatif ke atas ekonomi** negara (penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan dan penguncupan peluang pekerjaan).

- **kadarpengangguran** di negara ini melonjak (Sumber: Jabatan Perangkaan) kepada 5%(778,800 orang pada April 2020).
- terima kasih kepada **YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin**, Perdana Menteri - pengumuman **PENJANA** pada 5 Jun 2020.
- **Program Subsidi TASKA (*Child Care Subsidy*)RM35 juta** - dalam bentuk bantuan kewangan dan pelepasan cukai serta pemberian geran sehingga RM5,000 kepada TASKA berdaftar;
  - a. **Program Bantuan Tunai secara one-offRM103 juta** - RM300 untuk untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah - 190,000 orang OKU yang berdaftar - 150,000 orang ibu tunggal.

## **BANTUAN KEBAJIKAN**

16. JKM memperuntukkan RM1.53 bilion setahun untuk penyaluran bantuan kepada lebih 500,000 penerima yang layak.
17. Menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Pimpinan Masyarakat bersama Perdana Menteri di Sandakan.
18. YAB Perdana Menteri akan mengusulkan supaya bantuan bulanan JKM yang berjumlah antara RM200 dan RM300 **DINAIKKAN KEPADA RM1,000.**

19. Selain bantuan kewangan, **kumpulan sasar juga perlu diperkasa untuk kelangsungan hidup.**
20. Dari segi sosio ekonomi - Memperhebat **kerjasama KPWKM dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** untuk memperkasa usahawan wanita tempatan melalui:
- Pembangunan kapasiti (JPW, SME Corp, INSKEN, Institut Koperasi Malaysia);
  - Pembiayaan (Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN); dan
  - Akses kepada pasaran (TEKUN, UDA Holding).
21. Mensasarkan **usahawan wanita di setiap negeri** dan mereka juga boleh membimbing usahawan-usahawan wanita yang lain.
22. Keperluan untuk turut melihat kepada **sektor-sektor bukan tradisional terutamanya berkaitan dengan teknologi dan inovasi** untuk disertai oleh usahawan wanita. Bidang ini boleh menjana pendapatan yang tinggi apabila melibatkan ekonomi digital atau gig ekonomi.
23. PTP pada hari ini - tidak ketinggalan **penghargaan atas sumbangan para penggiat OKU** yang terdiri daripada Penyelaras Parlimen OKU (PPO) dan penggiat utama Majlis Persefahaman Pertubuhan-Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK):
- **2 orang Penyelaras Parlimen OKU; dan**
  - **3 orang Penggiat di bawah MPPOK.**

24. Besar harapan saya agar peranan dan sumbangan mereka menjadi aspirasi dan contoh untuk **dikembangkan ke negeri-negeri lain.**

## **PENUTUP**

25. Agar PTP ini dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir.

26. Semoga dapat diteruskan dengan jayanya di lokasi-lokasi yang seterusnya.

27. Semoga para pegawai dan rakan strategik program ini dilimpahi rahmat dan dilindungi Allah SWT.

28. Memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan sepanjang program ini berlangsung.

29. Teruskan kecemerlangan. Semoga setiap niat dan tugas kita menjaga kumpulan sasaran mendapat keberkatan dan balasan yang baik Allah S.W.T.

Wabillahi tawfiq wal hidaayah

Wassalamualaikum WBT

Terima kasih